A

LIM TIONG SENG & SATU LAGI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
SURIYADI HALIM OMAR HMR
HASAN LAH HMR
AHMAD MAAROP HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-05-41-2007 & J-05-42-2007]
C 20 OGOS 2010

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Cubaan rompakan - Tembakan dari pistol senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan - Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971, s. 3 -*
D *Pengecaman perayu pertama - Kawad cam - Sama ada cacat dan tidak dijalankan dengan wajar - Sama ada timbulnya identiti silap - Sama ada perayu pertama gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan - Sama ada kes prima facie terbukti - Sama ada sabitan dan hukuman terhadap perayu pertama selamat*

E

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Cubaan rompakan - Tembakan dari pistol senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan - Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971, s. 3A - Rakan sejenayah - Sama ada perayu kedua rakan sejenayah - Sama ada*
F *perayu kedua dengan semunasabahnya dianggap mengetahui perayu pertama ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya senjatapi - Sama ada perayu kedua telah mengambil segala tindakan yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan*

Perayu pertama ('Lim') telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan
G satu kesalahan melepaskan tembakan dengan senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan, ketika melakukan kesalahan berjadual, iaitu rompakan, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 3 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37). Manakala, perayu kedua ('Wang') telah dituduh di
H Mahkamah Tinggi yang sama, dengan kesalahan bahawa sebagai seorang rakan penjenayah kepada Lim, Wang berada bersama-sama dengan Lim, dan bahawa pada masa kesalahan dilakukan oleh Lim, Wang dengan semunasabahnya tahu bahawa Lim memiliki senjatapi, iaitu satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 3A
I Akta 37. Lim dan Wang telah dibicarakan dalam satu perbicaraan

yang sama. Di akhir kes, Lim dan Wang telah didapati bersalah atas pertuduhan yang masing-masingnya dihadapi oleh mereka. Kedua-dua mereka telah disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori masing-masingnya di bawah s. 3 dan 3A Akta 37. Mereka telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini. Peguam telah mengemukakan hujahnya mempertikaikan keterangan tentang pengenalan Lim. Menurut perayu pertama, kawad cam yang telah diadakan adalah cacat dan telah tidak dijalankan dengan wajar atas sebab-sebab berikut (i) terdapat kecacatan dalam keterangan SP5 dan SP6 yang berada di kedai ubat Eng Heng Chan kepunyaan bapa mereka semasa Lim melakukan kesalahan tersebut kerana tiada keterangan diberikan bahawa mereka telah memberikan deskripsi tentang rupa Lim atau tanda khas di wajah Lim kepada polis; (ii) sama ada dari segi komposisinya kawad cam adalah adil; (iii) bahawa untuk mengelakkan ketidakdilan, SP5 dan SP6 tidak sepatutnya menunggu di bilik seorang pegawai polis sebelum mereka membuat pengecaman; (iv) dalam laporan kawad cam (P9), tiada butir-butir tentang apa yang telah dilakukan oleh SP10 dalam kawad cam tersebut, sama ada Lim diberi hak-hak yang sepatutnya. Pembelaan Lim dalam pernyataannya adalah penafian dan mendakwa beliau telah ditangkap dan dituduh berdasarkan kepada identiti yang silap. Mengenai Wang pula, isu-isu yang timbul adalah (a) sama ada Wang ialah rakan sejenayah Lim; (b) sama ada Wang mungkin dengan semunasabahnya dianggap telah mengetahui bahawa Lim ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya senjatapi dan (c) sama ada Wang telah mengambil segala tindakan yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan.

Diputuskan (menolak rayuan-rayuan perayu; sabitan dan hukuman dikekalkan)

Oleh Ahmad Maarop HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) SP5 dan SP6 telah mengecam Lim dalam kawad cam yang telah diadakan oleh SP10 pada 11 Januari 2002. SP5 dan SP6 juga telah mengecam Lim dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi ketika memberi keterangan. SP5 dan SP6 telah memberikan penerangan dan demonstrasi bagaimana kejadian berlaku dan apa yang dilakukan oleh kedua-dua suspek itu di kedai mereka. Ketiadaan keterangan bahawa SP5 dan SP6 telah memberikan deskripsi tentang rupa atau tanda khas di wajah Lim itu tidak menjejaskan keterangan SP5 dan SP6 tentang pengecaman Lim. Dalam keadaan di mana saksi

kepada kesalahan jenayah yang dilakukan telah tidak memberi deskripsi suspek (yang tidak dikenalinya) kepada polis maka kawad cam wajar diadakan oleh pihak polis. Itulah yang telah dilakukan oleh pihak polis dalam kes ini. SP5 dan SP6 telah memberi keterangan mereka masih boleh mengecam Lim. (perenggan 19, 26 & 29)

(2) Mengenai komposisi barisan kawad cam yang telah diadakan, keterangan tentang peserta-peserta yang telah mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut telah diberikan oleh SP10. Seramai 10 orang (termasuk Lim) mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut. Butir-butir mengenai sembilan orang peserta kawad cam tersebut (selain dari Lim) seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat dan umur mereka dinyatakan dalam P19. Dari segi komposisi peserta-peserta kawad cam tersebut tidaklah dapat dirumuskan bahawa kawad cam itu tidak betul atau tidak adil. Dari keterangan SP10, SP10 telah memberikan peluang kepada Lim untuk memilih tempatnya dalam kawad cam tersebut. Selepas SP5 telah membuat pengeceman, Lim telah diberi peluang untuk mengubah kedudukannya dan juga untuk menukar pakaiannya tetapi beliau tidak mahu berbuat demikian. (perenggan 30 & 34)

(3) Mahkamah ini tidak dapat menerima hujah peguam bahawa keterangan kawad cam dalam kes ini tidak boleh diterima hanya kerana SP5 dan SP6 berada di dalam bilik seorang pegawai polis sebelum kawad cam, dan kerana pegawai polis tersebut tidak dipanggil memberikan keterangan. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa Insp David Chong telah mempengaruhi, mengasuh, membantu atau memudahkan SP5 dan SP6 mengecam Lim. Malahan tiada terdapat keterangan tentang sebarang komunikasi di antara SP5 dan SP6 dengan Insp. David Chong sebelum kawad cam itu dijalankan. Tiada keraguan bahawa SP5 dan SP6 telah dapat mengecam Lim dalam kawad cam tersebut kerana daya dan ingatan mereka sendiri, bukan kerana dibantu atau diasuh oleh mana-mana pegawai polis. (perenggan 35 & 36)

(4) Ini bukanlah kes pengecaman yang dibuat berdasarkan kepada pandang sekali imbas (fleeting glance) atau dibuat dalam keadaan yang sukar atau yang menghadkan peluang pengecaman. Kedudukan SP5 dengan Lim yang berdepan muka dalam jarak yang dekat dan tempoh masa Lim berada di kedai tersebut (kira-kira 20 minit) telah memberikan

kesempatan yang baik untuk membolehkan SP5 mengecam Lim. Di samping itu, tahi lalat di wajah Lim juga membantu SP5 mengecam Lim. Tambahan pula menurut SP5, apa yang berlaku di kedainya itu adalah kali pertama dialami dalam hidupnya dan ini terpahat dalam ingatannya. Keterangan SP5 dan SP6 tidak goyah. Tambahan pula, keterangan SP5 dan SP6 mengecam Lim yang berada dalam kandang orang salah di mahkamah disokong oleh keterangan bahawa mereka telah mengecam Lim dalam kawad cam. Adalah selamat bagi mahkamah menggunakan keterangan pengecaman SP5 dan SP6 sebagai asas yang mencukupi untuk sabitan. (perenggan 45)

(5) Apa yang dinyatakan oleh Lim dalam pembelaannya itu sebenarnya bercanggah dengan keterangan Wang dan satu Koo Tui Lai. Dalam keterangannya, Wang mengaku bahawa beliau dan Lim berada dalam kedai tersebut pada masa yang material dan Lim telah mengeluarkan sepucuk pistol dan melepaskan tembakan. Lim gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan mahkamah mendapatinya bersalah dan mensabitkannya bagi kesalahan di bawah s. 3 Akta 37. Sabitan dan hukuman terhadap Lim adalah selamat. (perenggan 55)

(6) Dari keterangan SP5 dan SP6 adalah jelas bahawa Wang berada bersama-sama dengan Lim dalam kedai tersebut semasa Lim mengeluarkan pistol dan meminta SP5 mengeluarkan wang, dan kemudiannya melepaskan tembakan. Identiti Wang juga tidak menjadi persoalan kerana beliau telah dapat ditangkap oleh SP5 dan SP6 di luar kedai mereka ketika Wang melarikan diri dari kedai tersebut bersama-sama Lim. Dari keterangan SP5 dan SP6 adalah jelas bahawa selepas Lim mengeluarkan pistol dan mengugut SP5, tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa Wang terperanjat atau tidak tahu apa yang berlaku atau apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Wang juga tidak melakukan apa-apa untuk cuba memisahkan dirinya dari apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Oleh itu, Wang adalah rakan sejenayah Lim dan Wang dengan semunasabahnya dianggap telah mengetahui bahawa Lim ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya pistol tersebut. Keterangan juga menunjukkan bahawa tiada sebarang tindakan telah diambil oleh Wang untuk menghalang Lim melepaskan tembakan dari pistolnya. Hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Wang bagi kesalahan di bawah

A s. 3A Akta 37. Keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara mensabitkan Wang adalah betul. Sabitan dan hukuman terhadap Wang adalah selamat. (perenggan 58, 60, 61 & 68)

English *Translation Of Headnotes*

B The first appellant ('Lim') was charged in the High Court with the offence of discharging a firearm with the intention to cause death or bodily harm, in the commission of the scheduled offence of robbery, an offence punishable under s. 3 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 (Act 37). The second appellant C ('Wang') was charged in the same High Court, with the offence that he was an accomplice of Lim, was together with Lim, and at the time the offence was committed by Lim, Wang had reasonably known that Lim had in his possession a firearm, which was an offence punishable under s. 3A Act 37. Both Lim and Wang were D tried in the same trial. At the end of the trial, Lim and Wang were found guilty on the respective charges against them. Both were convicted and sentenced to mandatory death respectively under s. 3 and s. 3A of Act 37. Both appealed to this court. Counsel in his submission had disputed the evidence regarding the E identification of the first appellant. According to the first appellant, the identification parade that was held was flawed and was not conducted properly on these grounds (i) there were flaws in the evidences of SP5 and SP6 who were in the Eng Heng Chan medicine shop owned by their father when Lim had committed the F said offence as there was no evidence given that they had given a description about Lim's looks or distinctive features to the police; (ii) whether the composition of the identification parade was just and fair; (iii) that to prevent injustice from occurring, SP5 and SP6 should not have waited in the room of a police officer before G making the identification; (iv) in the identification report (P9), no details were given as to what had been done by SP10 during the identification parade, whether Lim had been given his rights. Lim's defence was mere denial and contended that he had been arrested and charged based on mistaken identity. As for Wang, the issues H that arose were (a) whether Wang was Lim's accomplice; (b) whether Wang had reasonably been presumed to have the knowledge that Lim had in his possession, custody or control of the firearm and (c) whether Wang had taken every reasonable step to prevent the discharging of the firearm.

I

Held (dismissing the appeals of the appellants; affirming conviction and sentence)
Per Ahmad Maarop JCA delivering the judgment of the court:

(1) SP5 and SP6 had identified Lim in the identification parade held by SP10 on 11 Januari 2002. SP5 and SP6 had also identified Lim during the trial in the High Court when giving evidence. SP5 and SP6 had given the relevant information and demonstrated how the events took place and what had been committed by the two suspects in their shop. That there was no evidence that SP5 and SP6 had given a description regarding Lim's looks or distinctive features did not affect the evidence SP5 and SP6 had given in identifying Lim. In a situation where a witness to a crime had not given a description of the suspect (that was not known to him) to the police, an identification parade should reasonably be held by the police. That was what the police had done in this case. SP5 and SP6 had given evidence that they could still identify Lim.

(2) Regarding the composition of the identification parade that was held, the evidence regarding its participants that had taken part in the said identification parade was provided by SP10. As many as ten people (including Lim) had taken part in the said identification parade. The details of the nine participants in the said identification parade (apart from Lim) regarding their names, identity cards, addresses and ages had been stated in P19. From the composition of the participants of the said identification parade it could not be summarised as incorrect or unfair. From the evidence of SP10, he had given Lim the opportunity to choose where he would like to stand in the said identification parade. After SP5 had made the identification, Lim had been given the opportunity to change his position and his clothes but Lim had refused to do so.

(3) This court could not accept the counsel's submission that the evidence of the identification parade in this case could not be accepted due to the fact that SP5 and SP6 had been in the room of a police officer before the identification parade, and also because the said police officer was not called to give evidence. There was no evidence to show that Insp. David Chong had influenced, helped or assisted SP5 and SP6 in identifying Lim. In fact there was no evidence regarding any

A communication that took place between SP5 and SP6 with Insp. David Chong before the identification period was held. There was no doubt that SP5 and SP6 had identified Lim in the said identification parade by their own force and memory, and not because they were helped or assisted by any police
B officer.

(4) This was not an identification case based on a fleeting glance or done in a difficult situation or with limited recognition opportunity. SP5 and Lim had been face to face in close
C proximity and the duration of the period Lim had been in the said shop (about 20 minutes) had given SP5 a good opportunity to identify Lim. At the same time, the mole on Lim's face had helped SP5 identify Lim. Further, according to SP5, what transpired in the shop was the first time it had
D happened to him and it would be something he will never forget. The evidence of SP5 and SP6 was unwavering. In addition to that, the evidence of SP5 and SP6 in identifying Lim who was in the defendant's dock was supported by the evidence that they had identified Lim in the identification
E parade. It was safe for the court to use the identification evidence of SP5 and SP6 as sufficient basis for conviction.

(5) What was stated by Lim in his defence contradicted with the evidence given by Wang and one Koo Tui Lai. In his
F evidence, Wang had admitted that he and Lim had been in the said shop at the material time and Lim had taken out a firearm and discharged. Lim failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case, and was found guilty and was convicted for the offence under s. 3 Act 37. The
G conviction and sentence against Lim was safe.

(6) From the evidence of SP5 and SP6 it was clear that Wang had been together with Lim in the said shop when Lim had taken out the firearm and had asked SP5 to take out some money, and subsequently had discharged the firearm. Wang's
H identity was never an issue because he had been arrested by SP5 and SP6 in front of the said shop when Wang had tried to escape from the said shop with Lim. From the evidence of SP5 and SP6 it was clear that after Lim had taken out the firearm and threatened SP5, there was nothing to show that
I Wang had been shocked or was unaware of what was happening or what was being committed by Lim. Wang also did not do anything to try and separate himself from what was

being done by Lim. Therefore, Wang was an accomplice of Lim and Wang was reasonably presumed to have the knowledge that Lim had in his possession, custody and control the said firearm. Evidence also showed that there was no action taken by Wang to prevent Lim from discharging the firearm. The trial judge had made the correct conclusion when he held that the prosecution had successfully proven a *prima facie* case against Wang for the offence under s. 3A Act 37. The decision made by the trial judge in convicting Wang was correct. The conviction and sentence against Wang was safe.

Kes-kes yang dirujuk:

Arumugam Muthusamy v. PP [1998] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Budhsen v. State of UP [1970] Cri LJ 1149 ***(dirujuk)***
Chan Sin v. PP [1949] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Heng Aik Ren Thomas v. PP [1998] 3 SLR 465 ***(dirujuk)***
Jagdish v. State [1985] Cri LJ 1621 ***(dirujuk)***
Khoo Hi Chiang v. PP and Another Case [1994] 2 CLJ 151 SC ***(dirujuk)***
Lal Singh v. UP, AIR [2004] Supreme Courts 299 ***(dirujuk)***
Lee Yew Seng & Ors v. PP [1967] 1 LNS 82 FC ***(dirujuk)***
Low Soo Song v. PP [2008] 1 CLJ 433 CA ***(dirujuk)***
Malkansingh v. State of Madhya Pradesh [2003] Cr LJ 3535 ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohd Abdul Hafeez v. State of AP, AIR [1983] Supreme Court 369 ***(dirujuk)***
R v. Baskerville [1916] 2 KB 658 ***(dirujuk)***
R v. Turnbull [1976] 3 All ER 549 ***(dirujuk)***
Rameshkumar Soni v. State of Madhya Pradesh [1997] Cri LJ 3418 ***(dirujuk)***
Sajeevan v. Kerala State, [1994] Cri LJ 1316 ***(dirujuk)***
Tan Kim Hoo v. PP & Another Appeal [2007] 6 CLJ 557 CA ***(dirujuk)***
Thirumalai Kumar v. PP [1997] 3 SLR 434 ***(dirujuk)***
Udayar Alagan & Ors v. PP [1961] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***
Vaikuntam Chandrappa v. State of AP [1960] Cri LJ 1681 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 167
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, ss. 2, 3, 3A

Bagi pihak perayu-perayu - Gurbachan Singh; T/n Bachan & Kartar
Bagi pihak responden - Munahyza Mustafa TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop HMR:

Pertuduhan-pertuduhan

B **[1]** Dalam Rayuan Jenayah No. 05-41-2007, perayu pertama Lim Tiong Seng ("Lim") telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan satu kesalahan melepaskan tembakan dengan senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan, ketika melakukan kesalahan berjadual, iaitu rompakan, satu kesalahan yang boleh C dihukum di bawah s. 3 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 (Firearms (Increased Penalties) Act 1971) Akta 37.

[2] Manakala dalam Rayuan Jenayah No: 05-42-2007, perayu kedua Wang Hup Huat ("Wang") telah dituduh di Mahkamah D Tinggi yang sama, dengan kesalahan bahawa sebagai seorang rakan penjenayah kepada Lim, Wang berada bersama-sama dengan Lim di tempat kejadian di mana kesalahan di bawah s. 3 Akta 37 tersebut telah dilakukan oleh Lim, dan bahawa pada masa kesalahan tersebut dilakukan oleh Lim, Wang dengan E semunasabahnya tahu bahawa Lim memiliki senjatapi. Ini adalah satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 3A Akta 37.

[3] Lim dan Wang telah dibicarakan dalam satu perbicaraan yang sama. Di akhir kes, Lim dan Wang telah didapati bersalah F atas pertuduhan yang masing-masingnya dihadapi oleh mereka. Kedua-dua mereka telah disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori masing-masingnya di bawah s. 3 dan 3A Akta 37. Mereka telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

Fakta-Fakta Kes

G

[4] Pada 14 Julai 2001, Tan Teng Hock (SP5) dan Tan Siew Ping (SP6) berada di kedai ubat Eng Heng Chan kepunyaan bapa mereka di No. 765, Taman Anggerik, Jalan Parit Masjid, Pontian, Johor ("tempat kejadian"). Pada lebih kurang jam 5.10 petang H pada tarikh tersebut, dua orang lelaki China masuk ke kedai tersebut. Salah seorang dari lelaki China tersebut (yang dicamkan dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi sebagai OKT 1, iaitu Lim) telah bercakap dengan SP5 meminta SP5 memperkenalkan ubat untuk sakit pinggang. SP5 telah mengeluarkan beberapa jenis ubat I kepada Lim. Lim minta SP5 kurangkan harga ubat tersebut. SP5 menjawab dengan menyatakan bahawa itu adalah harga yang paling

murah. Kemudian, Lim telah mengeluarkan sepucuk pistol dan menyuruh SP5 keluarkan wang. SP5 menjawab bahawa di kedai itu tidak ada banyak duit. Lim minta RM10,000. SP5 menyatakan, "kalau awak nak saya boleh keluarkan wang perniagaan hari ini dan daripada saudara saya dan adik saya". Lim menjadi marah dan berkata, "kalau tiada RM10,000 saya akan tembak". Kemudian Lim telah menyuruh seorang lagi lelaki China yang masuk ke kedai tersebut bersamanya (dicamkan dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi sebagai OKT2, iaitu Wang) untuk mengambil wang dari laci kaunter kedai tersebut. Semasa Lim memalingkan mukanya kepada Wang, SP6 telah mengambil sebatang besi dan memukul kepala Lim, tetapi Lim dapat menghalang besi itu dengan tangan kanannya. Pistol dipegang oleh Lim dengan tangan kirinya. Selepas menepis pukulan SP5 itu, Lim telah melepaskan tembakan ke arah SP5 dan SP6 yang berada di belakang kaunter dalam kedai tersebut. Tembakan tersebut tidak mengenai SP5 dan SP6 tetapi tersasar dan terkena pada cermin almari yang terletak di belakang kaunter dalam kedai tersebut. SP5 dan SP6 telah lari keluar dari kaunter dan lari ke belakang kedai. Lim telah menembak sekali lagi tetapi tembakan tersebut juga tidak mengenai SP5 dan SP6. Selepas itu Lim dan Wang telah lari keluar dari kedai. SP5 dan SP6 mengejar mereka. SP5 dan SP6 berjaya menangkap Wang selepas dapat memukulnya dengan besi. Sementara itu Lim yang telah berjaya menaiki sebuah kereta Proton warna putih BEV 5012 yang sedang menunggu di luar kedai, telah turun semula dari kereta tersebut lalu melepaskan dua das tembakan lagi ke arah SP5 dan SP6. Tembakan tersebut juga tidak mengenai SP5 atau SP6. Lim kemudian menaiki kereta tersebut dan lari dari situ. Salah satu peluru dari tembakan terakhir yang dilepaskan oleh Lim telah mengenai Mohd Fairuz bin Sukar (SP4) yang secara kebetulan sedang menunggang motosikalnya di sekitar kawasan tembakan tersebut. SP4 bernasib baik kerana selepas dibedah, sebutir peluru yang terlekat di paru-parunya telah berjaya dikeluarkan.

[5] Wang yang telah berjaya ditangkap oleh SP5 dan SP6 telah diserahkan kepada polis.

[6] Pada 7 Januari 2002, C/Insp Mohamad Safie b Yatim (SP9) telah membawa Lim yang telah ditangkap di Kuala Lumpur balik ke Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Johor Bahru.

[7] Pada 11 Januari 2002 dalam kawad cam yang diadakan oleh C/Insp Zainul Mohamed b Mohamed (SP10) di Ibu Pejabat Daerah Polis, Pontian Johor, Lim telah dicamkan oleh SP5 dan SP6.

Kes Pihak Pembelaan

Pembelaan Lim

[8] Apabila dipanggil untuk membela diri, Lim telah memberikan pernyataan dari kandang orang kena tuduh (statement from the dock). Lim menyatakan bahawa dia dilahirkan di Singapura. Sebelum ditangkap dia bekerja sebagai pemandu pelancong di Bangkok, Thailand. Menurut Lim dia telah ditangkap dengan seorang kawan di Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2001 dan dituduh memiliki senjatapi dan peluru di bawah Akta Senjatapi. Dia telah dilepas dan dibebaskan dari tuduhan tersebut. Menurut Lim, semasa dalam tahanan di Kuala Lumpur dia telah dibawa ke Balai Polis Pontian, Johor untuk tujuan pengecaman berkaitan dengan satu rompakan di mana tembakan telah dilepaskan. Menurut Lim, dalam kawad cam tersebut dia telah dicamkan oleh dua orang adik beradik sebagai orang yang telah cuba merompak mereka dan melepaskan tembakan ke arah mereka. Lim mendakwa bahawa dalam kawad cam tersebut dia tidak pernah diberitahu tentang prosidur kawad cam. Seterusnya dalam pernyataan tersebut, Lim menafikan:

(a) pertuduhan terhadapnya; dan

(b) dia telah masuk ke dalam kedai tersebut bersama-sama Wang pada hari kejadian dan melepaskan tembakan.

Lim juga menyatakan bahawa dia tidak pernah mengenali Wang sebelum ditangkap dan dituduh bersama dengan Wang dalam kes ini. Lim juga menafikan bahawa dia mengenali Koo Tui Lai (SD3) yang dipanggil oleh Wang sebagai saksinya. Lim mendakwa bahawa dia bukanlah orang yang ditunjukkan dalam video yang ditayangkan di mahkamah. Lim juga mendakwa bahawa dia telah ditangkap dan dituduh berdasarkan kepada identiti yang tersilap (mistaken identity).

Pembelaan Wang

[9] Wang telah memberikan keterangan secara bersumpah, dan memanggil Koo Tui Lai (SD3) sebagai saksinya.

[10] Dalam keterangannya, Wang menyatakan bahawa pada 14 Julai 2001 lebih kurang jam 12 - 12.30 tengahari semasa dia berada di rumahnya di Kukup, Lim telah datang menemuinya. Lim berasal dari Singapura. Wang telah mengenali Lim sebelum itu di Johor Bahru. Dari rumahnya, Wong, Lim dan Koo Tui Lai (yang juga telah dikenali oleh Wang di Johor Bahru), telah pergi ke rumah kawannya bernama Ah Ong di Pontian. Di situ mereka telah berbual-bual serta makan dan minum. Pada lebih kurang jam 4.30 petang, Lim berkata bahawa dia tidak sihat dan hendak pergi ke kedai ubat untuk membeli ubat. Wang telah membawa Lim ke kedai ubat tersebut. Mereka telah pergi ke kedai ubat tersebut dengan kereta yang dipandu oleh Koo Tui Lai. Apabila sampai di hadapan kedai tersebut, Koo Tui Lai memberhentikan keretanya. Wang telah membawa Lim masuk ke dalam kedai. Koo Tui Lai menunggu di dalam kereta. Menurut Wang, dalam kedai dia berdiri depan pintu besar dekat kaunter. Lim berdiri di depan kaunter dan bercakap dengan tuan punya kedai. Wang tidak tahu apa yang dikatakan oleh Lim kepada tuan punya kedai itu. Wang mendakwa dia sendiri tidak bercakap dengan sesiapa dalam kedai itu. Menurut Wang, selepas itu dia nampak Lim telah mengeluarkan sepucuk pistol. Wang berkata dia merasa takut dan menjerit "jangan lepaskan tembakan". Kemudian ada seorang lelaki Melayu datang ke kedai itu. Wang telah menolak lelaki itu masuk ke dalam kedai untuk menyelamatkannya. Selepas itu Wang telah keluar dari kedai itu. Dia berasa takut dan ingin lari tetapi terjatuh. Selepas dia jatuh, 2 - 3 orang telah datang memukulnya hingga pengsan. Bila dia sedar dia mendapati dia berada di Hospital Pontian.

[11] Meneruskan keterangannya, Wang menyatakan bahawa semasa minum di rumah Ah Ong tiada siapa yang menunjukkan pistol. Dari rumah Ah Ong ke kedai ubat tersebut juga tiada sesiapa yang menunjukkan pistol kepada Wang. Wang menyatakan bahawa di kedai ubat itulah pertama kali dia melihat pistol tersebut. Dari rumah Ah Ong tiada siapa yang memberitahu bahawa mereka hendak pergi ke kedai tersebut untuk merompak. Di dalam kedai itu pun dia tidak tahu Lim hendak merompak.

[12] Intipati keterangan Wang tentang apa yang berlaku sehingga Wang dan Lim masuk ke dalam kedai itu disokong oleh keterangan Koo Tui Lai.

A **Hujah Peguam Lim Dan Wang**

[13] Di hadapan kami Lim dan Wang dibela oleh peguam yang sama.

B **[14]** Berkenaan dengan Lim, perkara pokok yang ditimbulkan oleh peguam ialah keterangan tentang pengenalan (identification) Lim. Dalam Petisyen Rayuannya Lim mendakwa:

> 4. Yang Arif Hakim terkhilaf dan salah arah diri dalam tidak memutuskan bahawa tiada identifikasi Perayu yang betul.
>
> C
>
> 5. Yang Arif Hakim terkhilaf dan salah arah diri dalam tidak memutuskan bahawa barisan identifikasi adalah tidak betul dan tidak adil kepada Perayu.
>
> 6. Yang Arif Hakim terkhilaf dan salah arah diri dalam tidak
> D mengikut garis panduan dalam *R v. Turnbull*.

[15] Berdasarkan kepada dakwaan dalam petisyen rayuan itu peguam telah mengemukakan hujahnya mempertikaikan keterangan tentang pengenalan Lim. Intipati hujah tersebut adalah seperti
E berikut:

(a) Terdapat kecacatan dalam keterangan SP5 dan SP6 kerana tiada keterangan diberikan bahawa mereka telah memberikan deskripsi tentang rupa Lim atau tanda khas di wajah Lim kepada polis. Peguam berhujah bahawa dalam perbicaraan
F mereka telah memberi keterangan bahawa mereka mengecam Lim kerana dia ada tahi lalat, tetapi tiada keterangan diberikan bahawa mereka telah memberitahu polis tentang tahi lalat Lim.

(b) Asp Zainal Abidin b Ahmad yang telah menyediakan peserta-
G peserta yang mengambil bahagian dalam kawad cam yang diadakan oleh SP10 telah tidak dipanggil memberi keterangan. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa tiada keterangan diberikan bahawa Asp Zainal Abidin b Ahmad telah melihat Lim untuk membolehkannya mendapatkan peserta-peserta
H untuk barisan kawad cam tersebut.

(c) SP5 dan SP6 berada di bilik Insp. David Chong sebelum kawad cam dijalankan. Peguam berhujah bahawa untuk mengelakkan ketidakadilan, SP5 dan SP6 tidak sepatutnya
I menunggu di bilik seorang pegawai polis sebelum mereka membuat pengecaman. Sehubungan dengan ini juga peguam

mempersoalkan mengapa Insp. David Chong tidak dipanggil memberikan keterangan tetapi hanya ditawarkan sahaja kepada pihak pembelaan.

(d) Dalam laporan kawad cam (P9) yang disediakan oleh SP10, tiada butir-butir tentang apa yang telah dilakukan oleh SP10 dalam kawad cam tersebut, apa penerangan yang telah diberikan kepada Lim tentang haknya atau sama ada dia telah diberi peluang untuk menukar pakaiannya. Menurut peguam ini adalah tidak adil.

(e) Peguam berhujah bahawa berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkannya itu, kawad cam yang telah diadakan adalah cacat dan telah tidak dijalankan dengan wajar. Menurut peguam, oleh kerana kawad cam telah tidak dijalankan dengan wajar, maka apa yang tinggal dalam kes ini hanyalah pengecaman dalam mahkamah (dock identification). Sehubungan ini peguam berhujah bahawa pengecaman Lim dalam mahkamah yang dibuat oleh SP5 pada 8 September 2005 dan oleh SP6 pada 22 November 2005 iaitu empat tahun dari tarikh kejadian adalah tidak memuaskan dan adalah tidak selamat untuk membuktikan identiti Lim sebagai orang yang telah melakukan kesalahan di bawah s. 3 Akta 37 seperti yang didakwa dalam pertuduhan terhadapnya.

(f) Di samping itu peguam juga berhujah bahawa YA Hakim bicara telah melakukan salah arah dalam menimbangkan keterangan tentang pengecaman Lim kerana beliau tidak membuat rujukan langsung kepada garis panduan yang dinyatakan dalam kes *R v. Turnbull* [1976] 3 All ER 549.

Huraian Dan Keputusan Mahkamah Ini

Mengenai Lim

[16] Lim dituduh di bawah s. 3 Akta 37 yang memperuntukkan:

> Seseorang yang pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan sesuatu kesalahan berjadual melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata api dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang hendaklah dihukum mati walaupun tiada apa-apa kecederaan berlaku oleh sebabnya.

[17] Di bawah s. 2 dan Jadual kepada Akta 37, rompakan adalah satu kesalahan berjadual.

[18] Rayuan Lim bergantung kepada persoalan fakta yang penting iaitu - sama ada Lim telah dicam dengan betul oleh SP5 dan SP6 sebagai orang yang telah melepaskan tembakan daripada senjatapi semasa melakukan rompakan di tempat kejadian. Jika terdapat keraguan yang munasabah sama ada Lim adalah orang itu, rayuan ini hendaklah dibenarkan dan Lim dilepas dan dibebaskan.

[19] SP5 dan SP6 telah mengecam Lim dalam kawad cam yang telah diadakan oleh SP10 pada 11 Januari 2002. SP5 dan SP6 juga telah mengecam Lim dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi ketika mereka memberi keterangan.

[20] Peguam mempertikaikan keterangan SP5 dan SP6 mengenai pengecaman Lim.

[21] Kedudukan undang-undang tentang pengecaman adalah jelas. Keterangan substantif adalah pengecaman ke atas orang kena tuduh sebagai orang yang telah melakukan kesalahan oleh saksi-saksi dalam mahkamah semasa perbicaraan. Keterangan pengecaman dalam kawad cam adalah relevan dan boleh digunakan sebagai keterangan sokongan kepada keterangan substantif yang dinyatakan tadi (lihat *Budhsen v. State of UP* [1970] Cri LJ 1149, *Malkansingh v. State of Madhya Pradesh* [2003] Cr LJ 3535 SC, *Vaikuntam Chandrappa v. State of AP* [1960] Cri LJ 1681, *Arumugam Muthusamy v. PP* [1998] 3 CLJ 597].

[22] Kawad cam diadakan dengan tujuan untuk membolehkan saksi-saksi mengecam orang-orang yang tidak dikenali oleh mereka, sebagai orang-orang yang melakukan kesalahan yang sedang disiasat. Hal ini dijelaskan *Budhsen v. State of UP* [1970] Cri LJ 1149 SC, di ms. 1893:

> The identification parades belong to the investigation stage. They are generally held during the course of investigation with the primary object of enabling the witnesses to identify persons concerned in the offence, who were not previously known to them. This serves to satisfy the investigating officers of the *bona fides* of the prosecution witnesses and also to furnish evidence to corroborate their testimony in Court. Identification proceedings in their legal effect amount simply to this, that certain persons are brought to jail or some other place and make statements either express or implied that certain individuals whom they point out are persons whom they recognise as having been concerned in the crime. They do not constitute substantive evidence.

[23] Nilai tentang suatu kawad cam itu bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes. Tiada kaedah yang tetap dan ketat diperuntukkan tentang perkara ini (lihat *Lal Singh v. UP*, AIR 2004, Supreme Courts 299 di ms. 307). A

[24] Kami beralih kepada hujah peguam. Perkara pertama yang ditimbulkan oleh peguam ialah bahawa terdapat kecacatan dalam keterangan SP5 dan SP6 kerana tiada keterangan diberikan bahawa mereka telah memberikan deskripsi tentang rupa Lim atau tanda khas di wajah Lim kepada polis. Peguam berhujah bahawa dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi mereka telah memberi keterangan bahawa mereka mengecam Lim kerana dia ada tahi lalat, tetapi tiada keterangan diberikan bahawa mereka telah memberitahu polis tentang tahi lalat Lim. B C

[25] Keterangan menunjukkan bahawa dalam penyiasatannya, pegawai penyiasat (SP9) telah menemui SP5 dan SP6 dan menyoal mereka di tempat kejadian, dan menurut SP9: D

> Kedua-dua mangsa telah terangkan dan tunjuk bagaimana kejadian berlaku semasa kedua-dua mereka berada di dalam kedai.
>
> Mangsa telah membuat lakonan semula di mana kedudukan mereka sewaktu kedua-dua suspek masuk ke kedai, dan Tan Siew Peng (SP6) telah tunjukkan cara beliau memukul salah seorang suspek dengan sebatang besi paip yang disediakan dalam kedai tersebut. E F

[26] Walaupun SP5 dan SP6 telah memberikan penerangan dan demonstrasi bagaimana kejadian berlaku dan apa yang dilakukan oleh kedua-dua suspek itu di kedai mereka, tiada keterangan diberikan secara spesifik tentang sama ada SP5 dan SP6 telah memberikan deskripsi tentang rupa Lim dalam percakapan mereka kepada polis. SP5 dan SP6 juga tidak disoal balas secara spesifik oleh peguam semasa mereka memberikan keterangan sama ada mereka telah memberikan deskripsi tentang Lim kepada polis. Kami tidak fikir ketiadaan keterangan bahawa SP5 dan SP6 telah memberikan deskripsi tentang rupa atau tanda khas di wajah Lim itu sahaja telah menjejaskan keterangan SP5 dan SP6 tentang pengecaman Lim. Sehubungan ini ketika menolak hujah yang serupa seperti dalam kes ini, dalam *Rameshkumar Soni v. State of Madhya Pradesh* [1997] Cri LJ 3418, di ms. 3424, mahkamah menyatakan: G H I

> Learned Counsel for the appellants contended that had it been a fact that he had disclosed the dress and identification marks (Hulia) of the accused to the Manager it must have found place

A in the F.I.R. but it is not there. He, therefore, urged that it is an afterthought. It must be kept in mind that F.I.R. is not an ecyclopedia Minute details need not be mentioned in the F.I.R. the occurrence had taken place in broad day light and the witnesses were terrified as stated by Gupta. Under these
B circumstances **even if these details were not disclosed to the Manager** or had been disclosed **but not mentioned in the F.I.R., to my mind, it will not go to show that the statement of the witness is unreliable**, thus, it is evident from the statements of both these witnesses that they had opportunity to see the Badmashes. (tekanan ditambah)

C

[27] Dalam *Sajeevan v. Kerala State*, [1994] Cri LJ 1316, di antara hujah yang dikemukakan oleh peguam bagi perayu-perayu dalam mempertikaikan keterangan identifikasi dalam kes tersebut ialah bahawa tiada kawad cam telah dilakukan dan bahawa dua orang
D saksi penting (yang telah membuat pengecaman dalam mahkamah) tidak menyebut sebarang tanda atau ciri khas orang yang melakukan tikaman. Dalam menolak hujah tersebut mahkamah menyatakan bahawa orang-orang yang mempunyai ciri-ciri identifikasi yang istimewa adalah tidak ramai. Seseorang itu boleh
E mengingati wajah seseorang yang lain bukan selalunya kerana tanda atau ciri-ciri istimewa. Imej seseorang penyerang atau penjenayah boleh meninggalkan impressi dalam fikiran orang yang melihatnya atau seorang mangsa dan impressi tersebut akan tinggal dalam fikiran untuk satu tempoh yang munasabah. Ada faktor-
F faktor yang tidak boleh dijelaskan yang menyebabkan impressi sedemikian itu terbentuk:

It is true that PW1 or 2 could not point out any special identification mark of the accused. Nobody has a case that any of the accused has any special feature to be observed. Persons
G possessing special identification features are far and few between - one is able to remember another man's face not always because of any special mark or features. The image of an assailant or a thief or a burgler can leave the impression in the mind of the viewer or the victim which can remain in the mind without fading
H out for a reasonable period. There are untranslatable factors by which such retention is possible. The viewer need not count or notice any special mark or feature for retaining the image of the assailant in his mind. Hence we are not disposed to reject the testimony of PW1 and PW2 merely because they did not enumerate the features or marks of the accused.

I

[28] Dalam kes *Mohd Abdul Hafeez v. State of AP*, AIR [1983], Supreme Court 369, salah satu keterangan terhadap perayu yang telah disabitkan bersama-sama dengan tiga orang yang lain dengan kesalahan merompak ialah keterangan mangsa rompakan tersebut S Satyanarayana (PW1) yang telah mengecam perayu dalam mahkamah semasa perbicaraan. Kawad cam telah tidak diadakan. Dalam laporan maklumat pertamanya (ext. P1) kepada polis, PW1 telah tidak memberikan nama atau sebarang deskripsi tentang orang-orang yang telah merompaknya. Mahkamah Agong memutuskan bahawa dalam keadaan sedemikian itu lazimnya apabila orang kena tuduh ditangkap, kawad cam wajar diadakan:

> Turning to the first piece of evidence against the present appellant that he was identified by victim PW1 S Satyanarayana as the person who was sitting in the auto rickshaw driven by accused 4 when the auto rickshaw pulled near the spot where accused 2 and 3 had held Satyanarayana, it must be stated that this identification is innocuous and does not furnish any evidence against the present appellant. *In Ext. P-1 the First Information Report, informant Satyanarayana did not give the name of the present appellant and for that matter of none of the accused. We would not have attached much importance to the omission of non-mentioning the names of the accused in the FIR Ext. P-1 because it is distinctly possible that the victim Satyanarayana was caught un-awares and may not be knowing the accused prior to the date of the incident and, therefore, may not be able to give their names but he could have at least given some description of the persons who robbed him. At any rate, he could have given some description of the present appellant who was supposed to be sitting next to him and who thrust his hand in his pocket and removed Rs. 100. The total absence of any such description which would have provided a yardstick to evaluate the identification of the present appellant at a later date by victim Satyanarayana would render his later identification weak but that is not the only error Ext. P/1 clearly shows that the victim Satyanarayana did not know the names of the persons who robbed him. In such a situation ordinarily after the accused were arrested the test identification parade should have been held.* It is admitted that no such identification parade was held. It is only when the victim Satyanarayana came to give evidence in the Court and the four accused were sitting in the Court that he identified them as the miscreants. (tekanan ditambah).

[29] Ertinya, dalam keadaan di mana saksi kepada kesalahan jenayah yang dilakukan telah tidak memberi deskripsi suspek (yang tidak dikenalinya) kepada polis, maka kawad cam wajar diadakan oleh pihak polis. Itulah yang telah dilakukan oleh pihak polis dalam

kes ini. Selepas ditangkap di Kuala Lumpur, Lim telah dibawa balik ke IPK Johor Bahru pada 7 Januari 2002 oleh SP9. Pada 11 Januari 2002 kawad cam telah diadakan oleh SP10 di Ibu Pejabat Daerah Polis, Pontian, Johor untuk menguji sama ada SP5 dan SP6 dapat mengecam Lim yang tidak dikenali mereka sebelum ini. Dalam kawad cam tersebut Lim telah dicamkan oleh SP5 dan SP6. Selain itu seperti yang akan kami huraikan nanti, kami dapati dalam keterangan mereka SP5 dan SP6 telah menjelaskan mengapa mereka masih boleh mengecam Lim.

[30] Ini membawa kami kepada hujah peguam seterusnya. Peguam mempersoalkan kegagalan pihak pendakwa memanggil ASP Zainal Abidin Ahmad yang telah menyediakan peserta-peserta kawad cam untuk memberikan keterangan. Sehubungan ini peguam berhujah bahawa tiada keterangan telah diberikan bahawa ASP Zainal Abidin telah melihat Lim terlebih dahulu untuk membolehkannya mendapatkan peserta-peserta untuk barisan kawad cam tersebut. Kami tidak fikir kegagalan memanggil ASP Zainal Abidin dalam keadaan kes ini telah membawa padah kepada kes pihak pendakwaan. Tidak dapat dinafikan bahawa selepas ditangkap dan dibawa balik dari Kuala Lumpur oleh SP9, Lim berada dalam tahanan polis. Adalah sukar diterima sebagai munasabah bahawa sebagai Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Pontian di mana kejadian dalam kes ini berlaku, ASP Zainal tidak mahu tahu atau melihat suspek yang dikatakan terlibat dalam kesalahan jenayah yang begitu serius yang telah berlaku dalam daerah dalam kawalannya itu. Walau bagaimanapun dalam pandangan kami yang penting bukan orang yang mencari peserta-peserta untuk kawad cam tersebut atau orang yang mengarahkan supaya peserta-peserta bagi kawad cam itu dicari. Yang lebih penting ialah keterangan tentang komposisi barisan kawad cam yang telah diadakan itu. Ini adalah kerana hujah peguam sebenarnya ditujukan kepada kredibiliti keterangan tentang orang-orang yang telah mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut. Pada hemat kami hujah tersebut dibuat untuk menunjukkan bahawa kawad cam tersebut telah dilakukan dengan cara yang tidak betul dan tidak adil. Jadi, persoalan penting untuk pertimbangan mahkamah ialah sama ada dalam kes ini terdapat keterangan tentang komposisi barisan kawad cam tersebut. Jika jawapan kepada persoalan itu ialah "ya", maka soalan yang perlu dipertimbangkan seterusnya ialah sama ada dari segi komposisinya kawad cam itu adalah adil? Undang-undang

tentang komposisi barisan kawad cam telah dijelaskan oleh mahkamah dalam banyak kes. Kira-kira 60 tahun yang lalu dalam *Chan Sin v. PP* [1949] 1 LNS 9; [1949] MLJ 106 di ms. 108, Willan HB telah menjelaskan:

> ... it has always been the practice in police identification parades that all the persons on the parade should be of the same nationality as that of the suspected person, as far as possible they should be from the same station in life as that of the suspected person; and also there should be no great disparity of ages in the persons on the parade.

[31] Tetapi ini tidak bererti bahawa peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam suatu kawad cam itu mesti dengan tepatnya mempunyai deskripsi yang sama. Hal ini dijelaskan dalam *Thirumalai Kumar v. PP* [1997] 3 SLR 434 di ms. 441:

> 31. **The persons in the line-up need not be of exactly the same description: *R v. Wong Shing* [1977 - 1979] HKC 464**. It must be self-evident that the more similar their general appearance, the greater the reliability of the identification. However, *Chan Sin*'s case does not go as far as to mandate that all the persons procured for the line-up should look similar. Such a requirement would be quite impracticable, and would foreseeably lead to serious problems in the conduct of police investigations. An approach which accords with broad common-sense must be taken. (tekanan ditambah)

[32] Dalam kes *Chan Sin*, lapan orang yang mengambil bahagian dalam kawad cam yang telah diadakan oleh polis terdiri dari satu orang Sikh, tiga orang Melayu, seorang perempuan China dan tiga orang China yang lain termasuk perayu dalam kes ini. Dengan komposisi kawad cam yang sedemikian itu tidaklah menghairankan jika Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kawad cam itu adalah tidak memuaskan dan tidak adil.

[33] Dalam kes di hadapan kami ini keterangan tentang kawad cam pada 11 Januari 2002 termasuk keterangan tentang peserta-peserta yang telah mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut, diberikan oleh SP10 yang juga telah mengemukakan laporan tentang kawad cam yang telah dijalankannya (exh. P19). Seramai sepuluh orang (termasuk Lim) mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut. Butir-butir mengenai sembilan orang peserta kawad

A cam tersebut (selain dari Lim) seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat dan umur mereka dinyatakan dalam exh. P19. Dalam exb. P19, SP10 telah mengesahkan bahawa dia:

> telah mengendalikan semua peraturan yang berkaitan dengan kawad cam ini tanpa dipengaruhi oleh sesiapa dan semua orang yang mengambil bahagian di dalam kawad cam ini, seberapa yang boleh, adalah bersamaan dalam umur, tinggi dan paras rupa orang dituduh dan disyaki.

SP10 telah disoal balas dengan panjang lebar oleh peguam. C Pengesahan yang dibuat oleh SP10 dalam P19 tentang komposisi dan deskripsi peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam kawad cam tersebut tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Dalam penghakiman kami, dari segi komposisi peserta-peserta kawad cam tersebut tidaklah dapat dirumuskan bahawa kawad cam D itu tidak betul atau tidak adil.

[34] Peguam juga berhujah bahawa dalam P19 tiada butir-butir tentang apa yang telah dilakukan oleh SP10 dalam kawad cam tersebut, apa penerangan yang telah diberikan kepada Lim tentang E haknya atau sama ada dia telah diberi peluang untuk menukar pakaiannya. Menurut peguam, itu adalah tidak adil. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dari keterangan SP10 dan P19, kami dapati SP10 telah memberikan peluang kepada Lim untuk memilih tempatnya dalam kawad cam tersebut. Lim memilih untuk F berdiri di antara peserta nombor dua dan peserta nombor tiga dalam barisan kawad cam tersebut. Setelah SP5 membuat pengecaman, Lim telah diberi peluang untuk mengubah kedudukannya. Tetapi Lim tidak mahu menukar kedudukannya. Lim juga telah diberi peluang untuk menukar pakaiannya tetapi dia G tidak mahu berbuat demikian.

[35] Seterusnya, peguam merujuk kepada keterangan bahawa SP5 dan SP6 berada di bilik Insp. David Chong sebelum kawad cam dijalankan. Peguam berhujah bahawa untuk mengelakkan ketidakadilan SP5 dan SP6 tidak sepatutnya menunggu di bilik H seorang pegawai polis sebelum mereka membuat pengecaman. Kami tidak dapat menerima hujah peguam bahawa keterangan kawad cam dalam kes ini tidak boleh diterima hanya kerana SP5 dan SP6 berada di bilik seorang pegawai polis sebelum kawad cam dan kerana pegawai polis tersebut tidak dipanggil memberikan I keterangan. Bagi kami yang penting adalah apa yang berlaku di

antara SP5 dan SP6 dengan Insp. David Chong sebelum SP5 dan SP6 masuk ke bilik kawad cam - Persoalannya ialah sama ada terdapat keterangan yang menunjukkan atau yang darinya kesimpulan yang munasabah boleh dibuat bahawa Insp David Chong telah mempengaruhi, mengasuh atau membantu atau memudahkan SP5 dan SP6 mengecam Lim. Setelah meneliti keterangan dalam kes ini jawapan kami kepada persoalan tersebut adalah "tidak". Malahan tiada terdapat keterangan tentang sebarang komunikasi di antara SP5 dan/atau SP6 dengan Insp. David Chong sebelum kawad cam itu dijalankan. Ketika disoal balas, SP5 telah menafikan saranan peguam bahawa dia telah berbincang dengan SP6 terlebih dahulu sebelum mengecam Lim dalam kawad cam. SP5 juga telah menafikan saranan peguam bahawa dia telah berbincang dengan pegawai polis sebelum mengecam Lim dalam kawad cam tersebut. SP6 juga telah menafikan bahawa selepas SP5 keluar dari bilik kawad cam SP5 telah memberitahu tentang identiti Lim. Tiada saranan diajukan (put) kepada SP6 bahawa dia telah berbincang dengan Insp David Chong atau mana-mana pegawai polis sebelum masuk ke bilik kawad cam.

[36] Dari keterangan yang ada dalam rekod rayuan, tiada keraguan di fikiran kami bahawa SP5 dan SP6 telah dapat mengecam Lim dalam kawad cam tersebut kerana daya dan ingatan mereka sendiri, bukan kerana dibantu atau diasuh oleh mana-mana pegawai polis.

[37] Ini membawa kami kepada hujah peguam tentang keterangan pengecaman dalam mahkamah (dock identification). Peguam berhujah bahawa pengecaman Lim dalam mahkamah yang dibuat oleh SP5 pada 8 September 2005 dan oleh SP6 pada 22 November 2005 iaitu empat tahun dari tarikh kejadian adalah tidak memuaskan dan adalah tidak selamat untuk membuktikan identiti Lim sebagai orang yang telah melakukan kesalahan di bawah s. 3 Akta 37 seperti yang didakwa dalam pertuduhan terhadapnya. Kami tidak dapat menerima hujah peguam itu. Pengecaman dari kandang orang salah di mahkamah yang dibuat selepas satu jangka masa yang panjang tanpa mengadakan satu kawad cam tidak semestinya tidak boleh menjadi asas bagi suatu sabitan. Ia bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Hal ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Arumugam Muthusamy v. PP* [1998] 3 CLJ 597. Dalam kes itu dua persoalan undang-undang telah dirujuk kepada mahkamah, iaitu:

A (i) sama ada pengecaman orang kena tuduh yang berada dalam kandang orang salah di mahkamah (dock identification) selepas selang masa yang lama tanpa mengadakan kawad cam boleh menjadi asas yang mencukupi untuk sabitan; dan

B (ii) sama ada dalam satu kes di mana sabitan telah bersandar semata-matanya pada pengecaman orang kena tuduh yang berada dalam kandang orang salah di mahkamah (dock identification), kegagalan majistret untuk mengarahkan diri tentang keterangan pengecaman visual mengikut garis panduan C dalam *R v. Turnbull & Ors* [1976] 3 All ER 549 merupakan salah laksana keadilan yang substansial.

[38] Dalam menyampaikan penghakiman mahkamah, Chong Siew Fai HB (Sabah dan Sarawak) menyatakan:

D The question, as framed, is in general terms and lacks precise or essential facts necessary for a definite answer of 'yes' or 'no'. *Much depends on the precise circumstances and the stance of the defence. How long is the 'long lapse'? What are the circumstances in which a witness has seen the accused, eg the distance between him and the* E *accused, the weather condition, any lighting particularly if at night, and if so, quality of the lighting, the length of time the witness sees or observes the accused, any conversation carried on between them, whether the witness had known or seen the accused prior to the incident, and so forth.* Facts such as those mentioned above are lacking, but they are essential for the purpose of arriving at a more definite answer to F the above question referred.

Generally speaking, however, a dock identification in the sense as described above, ie identification of an accused for the first time in court at the trial is undesirable, and it would be a good practice to hold an identification parade, which, if it turns out to be positive, would tend to G *strengthen the case for the prosecution. But to hold that an identification parade must, in all circumstances, be conducted in order to sustain a conviction would be too stringent.* There may well be situations where an identification parade cannot or need not be held, for example, where the attendance of the witness at the parade is H physically impossible or impracticable or there are exceptional circumstances. (tekanan ditambah).

[39] Dalam kes *Jagdish v. State* [1985] Cri LJ 1621, perayu-perayu telah disabitkan dengan kesalahan merompak. Dalam penghakimannya tentang soal identifikasi, Mahkamah Tinggi New I Delhi menyatakan di ms. 1624:

6. As for the reliability of identification of the appellants by PWs1, 2 & 3 in Court it may be borne in mind that there was sufficient light inside the show-room at the Petrol Pump when the appellants barged into it and committed robbery. Not only they pointed knives at both PWs 1 & 2, Krishan Kumar even sustained bullet injuries at the hands of Harun appellant. The whole incident, according to them, lasted for about five minutes. The witnesses, therefore, had ample opportunity to mark the faces and features of the miscreants especially when there were only two in number. Under the circumstances, it was but natural that their impressions should have become quite vividly sketched on their minds and they were certainly in a position to identify the culprits in Court even after the lapse of sufficiently long time. It cannot be laid down as a broad proposition of law and there is no rule of thumb either that after the lapse of a long period the witnesses would in no case be able to identify the robbers they had seen in the course of robbery. However, the Court has to be extremely cautious in appraising such evidence and the decision in each case must turn on its own special facts.

[40] Dalam kes di hadapan kami, kami dapati dalam keterangan mereka, SP5 dan SP6 telah menjelaskan mengapa mereka masih boleh mengecam Lim. Ketika disoal balas SP5 telah ditanya oleh peguam, "Adakah ingat muka orang yang masuk dan berentap dengan awak?

SP5 telah menjawab, "Rambut pendek, mukanya ada kesan jerawat, ada satu tahi lalat di bahagian dagu sebelah kanan".

Peguam Lim juga telah menyoal SP5 bagaimana dia boleh camkan Lim?

SP5 menjawab, "saya pasti boleh camkan dia sebab kami berdepan muka".

Dalam pemeriksaan semula SP5 telah memberikan keterangan berikut:

Soalan Semula:

S: Berapa lama masa kamu bercakap dengan OKT1 sehingga OKT1 lari?

J: Lebih kurang 20 minit.

S: Dalam masa tersebut kamu betul-betul camkan dia?

J: Ya, pasti.

S: Semasa kawad cam itu kamu pasti awak camkan OKT1?

J: Ya, pasti.

S: Bagaimana awak cakap pasti?

J: Ini adalah peristiwa pertama yang berlaku kepada saya. Jadi saya wajar ingat.

S: Di manakah OKT2 berdiri sebenarnya?

J: OKT2 ada dalam kedai. Kaki lima di bawah, dia berdiri di atas dalam kedai.

Ketika disoal oleh mahkamah pula, SP5 telah memberikan keterangan berikut:

S: Semasa OKT1 minta wang berapa jarak awak dengan OKT1?

J: 2 - 3 kaki.

Saya nampak pistol yang dia pegang walaupun saya berada di dalam kaunter, kerana kaunter itu adalah rendah, dan tempat dia berdiri tinggi. Semasa dia pegang pistol dia acukan ke arah kami. Selepas lima minit dia acukan pistol itu baru dia tembak tembakan pertama. Tembakan pertama berlaku selepas adik saya pukul dia.

OKT1 kejar saya di dalam kedai tidak jauh. Masa itu dia tembak lagi sekali di dalam kedai. Lepas itu dia (OKT1) lari keluar dari kedai itu.

[41] Ertinya, ini bukanlah kes pengecaman yang dibuat berdasarkan kepada pandang sekali imbas (fleeting glance) atau dibuat dalam keadaan yang sukar atau yang menghadkan peluang pengecaman. Dalam kes ini, kedudukan SP5 dengan Lim yang berdepan muka dalam jarak yang dekat (hanya kira-kira 2 - 3 kaki) dan tempoh masa Lim berada di kedai tersebut (kira-kira 20 minit) telah memberikan kesempatan yang baik untuk membolehkan SP5 mengecam Lim. Di samping itu tahi lalat di wajah Lim juga membantu SP5 mengecam Lim. Tambahan pula menurut SP5, apa yang berlaku di kedainya itu adalah kali pertama dialami dalam hidupnya dan ini terpahat dalam ingatannya.

[42] Dalam keterangannya ketika disoal balas SP6 pula telah ditanya oleh peguam, "Bagaimana kamu boleh camkan OKT1 ini (Lim) walaupun selepas enam bulan kejadian?"

SP6 menjawab,

> Saya masih boleh ingat kepada OKT1, sebab pada masa kejadian itu nyawa saya telahpun terancam, sebab itu saya dapat ingat dia.

Pemeriksaan balas SP6 selanjutnya adalah seperti berikut:

S: Berapakah lama masa OKT1 ini berada di dalam kedai awak pada hari itu sehingga mereka lari keluar?

J: Lebih kurang 20 minit.

S: Pada hari kejadian berapakah jarak awak dengan OKT1 masa dia acukan pistol?

J: Lebih kurang 2 kaki.

[43] Tahi lalat di wajah Lim juga telah membantu SP6 mengecam Lim. Ini jelas dari pemeriksaan balas lanjut terhadap SP6 oleh peguam:

S: Sebelum kawad cam dibuat, apa yang kamu paling ingat dia hingga kamu boleh cam dia?

J: Muka dia.

Ya, muka dia ada tahi lalat. Dalam barisan ada lebih kurang 10 lebih.

[44] Perlu ditegaskan bahawa keterangan SP10 dalam pemeriksaan balas di muka 88 rekod rayuan dan keterangan SP9 dalam pemeriksaan balas membuktikan bahawa Lim memang ada tahi lalat di dagunya. Jadi, seperti juga SP5, selain dari pengalaman yang mengancam nyawanya yang telah dialaminya, serta kesempatan yang baik untuk SP6 melihat wajah Lim yang telah membolehkan SP6 mengecam Lim, tahi lalat di wajah Lim juga telah membantunya mengingati dan mengecam Lim dengan pasti.

[45] SP5 dan SP6 telah disoal balas dengan panjang lebar oleh peguam Lim dan Wang. YA Hakim bicara mendapati keterangan mereka tidak goyah dan menerima keterangan mereka tentang pengecaman Lim. Tambahan pula dalam kes ini keterangan SP5 dan SP6 mengecam Lim yang berada dalam kandang orang salah di mahkamah disokong oleh keterangan bahawa mereka telah

A mengecam Lim dalam kawad cam yang diadakan pada 11 Januari 2002. Jadi, keterangan pengecaman dalam kes ini berlainan sekali dan lebih kuat dari keterangan pengecaman dalam kes *Arumugam Muthusamy v. PP* di mana kawad cam telah tidak diadakan. Setelah menilai sendiri keterangan SP5 dan SP6 kami memutuskan
B bahawa adalah selamat bagi mahkamah menggunakan keterangan pengecaman SP5 dan SP6 sebagai asas yang mencukupi untuk sabitan.

[46] Peguam juga berhujah bahawa YA hakim bicara telah
C melakukan salah arah dalam menimbangkan keterangan tentang pengecaman Lim kerana beliau tidak membuat rujukan langsung kepada garis panduan dalam kes *R v. Turnbull* [1976] 3 All ER 549.

D **[47]** Tentang pemakaian garis panduan *Turnbull* dalam kes-kes di negara ini, dalam kes *Tan Kim Hoo v. PP & Another Appeal* [2007] 6 CLJ 557, mahkamah ini telah menggunapakai petikan dalam penghakiman Karthigesu JA dalam *Heng Aik Ren Thomas v. PP* [1998] 3 SLR 465, di ms. 475 - 476:

E > In adapting the *Turnbull* guidelines for our local system, we have reworked the *Turnbull* guidelines into the following three step test. The first question which a judge should ask when encountering a criminal case where there is identification evidence, is whether the case against the accused depends wholly or substantially on the
F > correctness of the identification evidence which is alleged by the defence to be mistaken.
>
> If so, the second question should be this. Is the identification evidence of good quality, taking into account the circumstances in which the identification by the witness was made? A
G > non-exhaustive list of factors which could be considered include the length of time that the witness observed the accused, the distance at which the observation was made, the presence of obstruction in the way of the observation, the number of times the witness had seen the accused, the frequency with which the witness saw the accused, the presence of any special reasons for
H > the witness to remember the accused, the length of time which had elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police and the presence of material discrepancies between the description of the accused as given by the witness and the actual appearance of the accused. In
I > considering the circumstances in which the identification was made, the judge should take note of any specific weaknesses in the

identification evidence. If after evaluation of the identification evidence, the judge is satisfied that the quality of the identification evidence is good, he may then go on to safely assess the value of the identification evidence.

Where the quality of the identification evidence is poor, the judge should go on to ask the third question. Is there any other evidence which goes to support the correctness of the identification? If the judge is unable to find other supporting evidence for the identification evidence, he should then be mindful that a conviction which relies on such poor identification evidence would be unsafe. The supporting evidence need not be corroborative evidence of the kind required in *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658. What the supporting evidence has to be is evidence that makes the judge sure that there was no mistake in the identification.

Garis panduan yang terserlah dari kes tersebut adalah seperti berikut:

(1) Dalam kes jenayah yang melibatkan keterangan identifikasi, persoalan pertama yang wajar diputuskan oleh hakim ialah sama ada kes terhadap orang kena tuduh bergantung keseluruhannya atas sebahagian besar darinya kepada betul atau tidaknya keterangan identifikasi yang didakwa oleh pihak pembelaan sebagai silap.

(2) Jika jawapan kepada persoalan pertama itu adalah "Ya", soalan kedua yang perlu diputuskan oleh hakim ialah sama ada keterangan identifikasi itu baik mutunya? Untuk ini berbagai faktor (yang tidak exhaustive sifatnya) boleh dipertimbangkan termasuklah:

(a) tempoh masa saksi memerhatikan orang kena tuduh;

(b) jarak dari mana pemerhatian itu dilihat;

(c) sama ada terdapat sebarang halangan kepada pemerhatian itu;

(d) berapa kali saksi melihat orang kena tuduh;

(e) sama ada terdapat sebab-sebab istimewa kenapa saksi boleh mengingati identiti orang kena tuduh; dan

A (f) jarak masa di antara masa saksi melihat orang kena tuduh pada masa kejadian dengan masa pengecaman kemudiannya kepada pihak polis.

(3) Jika hakim berpuas hati bahawa keterangan identifikasi itu
B adalah baik, beliau boleh dengan selamat menimbang nilai keterangan identifikasi itu.

(4) Jika mutu keterangan identifikasi itu tidak baik, hakim patut mempertimbangkan persoalan ketiga - Adakah sebarang
C keterangan lain yang menyokong betulnya keterangan identifikasi itu? Jika hakim tidak mendapati sebarang keterangan yang menyokong keterangan identifikasi itu, beliau hendaklah mengarahkan dirinya bahawa sabitan atas keterangan identifikasi yang tidak baik adalah tidak selamat. Keterangan
D sokongan tidak perlu berupa keterangan yang bersifat corroborative seperti yang diputuskan dalam kes *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658. Keterangan sokongan yang diperlukan ialah keterangan yang membuatkan hakim pasti bahawa tiada terdapat kesilapan dalam identifikasi.

E **[48]** Dalam penghakiman kami dalam keadaan kes ini kegagalan YA hakim bicara menyebut kes *R v. Turnbull* dalam penghakimannya adalah tidak fatal. Dalam kes *Arumugam v. PP* kawad cam telah tidak diadakan dan keterangan identifikasi terhadap pemohon bergantung kepada keterangan dua orang saksi
F yang telah membuat pengecaman orang kena tuduh yang berada dalam kandang orang salah di mahkamah (dock identification) selepas tempoh masa yang lama. Di Mahkamah Persekutuan, peguam pemohon telah mempersoalkan kegagalan puan Majistret mengarahkan dirinya tentang keterangan pengecaman visual
G mengikut garis panduan *Turnbull*. Sabitan dan hukuman yang telah dikenakan terhadap pemohon oleh majistret telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan. Dalam penghakimannya, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

H In this instant case under reference, the facts and circumstances are different. In this case, there were two identification witnesses, PW1 and PW2. In point of law, an identification by one witness can constitute support for the identification by another provided that the trial magistrate warns himself that even a number of honest witnesses can all be mistaken. In our present case, though
I the trial magistrate did not warn herself in like terms, she was mindful of the fact that PW1 and PW2 had never seen the accused

prior to the incident on 1 April 1986 or 2 April 1986. The quality of the identification evidence was good. In the circumstances as shown by the evidence, she found it reasonable that they could remember the accused's face, and she accepted their evidence. Furthermore, there are other evidence - the car keys in the applicant's possession at the time of his arrest; both PW4 and PW5, who effected the arrest, said they used to see the applicant driving the car, and the car was parked in front of the shop where the applicant lived. Both PW4 and PW5 were not cross-examined.

[49] Kami beralih kepada penghakiman YA hakim bicara dalam rayuan di hadapan kami. Dalam pengamatan kami, dari penghakiman YA hakim bicara dan dari nota-nota prosiding yang terdapat dalam Rekod Rayuan, YA hakim bicara menyedari dan peka bahawa kes di hadapan beliau bergantung kepada betul atau tidaknya pengecaman yang dibuat terhadap Lim yang didakwa oleh Lim sebagai silap. Isu pertama yang dipertimbangkan oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya ialah isu pengecaman yang dibuat oleh SP5 dan SP6 (ms. 151 - 152 rekod rayuan]. Huraiannya tentang keterangan SP5 dan SP6 mengenai pengecaman sebenarnya berterusan kepada huraiannya mengenai isu pistol dan pelepasan tembakan (ms. 153 - 155 rekod rayuan). Kami dapati YA hakim bicara telah mempertimbangkan keadaan dalam mana Lim telah dicamkan oleh SP5 dan SP6 termasuk tempoh masa 20 minit Lim berada dalam kedai mereka dan jarak di antara mereka dengan Lim iaitu kira-kira 2 kaki sahaja. Dalam penilaian maximanya YA hakim bicara juga telah membincangkan keterangan SP10 dan SP19 bahawa dalam kawad cam yang diadakan pada 11 January 2002 SP5 dan SP6 telah mengecam Lim. YA hakim bicara juga mendapati keterangan SP5 tentang apa yang dilakukan oleh Lim dalam kedai tersebut disokong dalam butir-butir yang material oleh keterangan SP6. Keterangan pengecaman Lim oleh SP5 dan SP6 juga saling sokong menyokong antara satu dengan yang lain. Akhirnya, YA hakim bicara berpuas hati bahawa mutu keterangan pengecaman Lim yang dibuat SP5 dan SP6 adalah baik. Jadi, walaupun YA hakim bicara tidak menyebut kes *R v. Turnbull* dalam penghakimannya, perkara-perkara yang ditekankan dalam garis panduan *Turnbull* sebenarnya telah dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh YA hakim bicara apabila beliau menilai keterangan SP5 dan SP6 tentang pengecaman Lim. Sehubungan ini dalam kes *R v. Turnbull* di ms. 554, mahkamah menyatakan:

A failure to follow these guidelines is likely to result in a conviction being quashed and will do so if in the judgment of this court on all the evidence the verdict is either unsatisfactory or unsafe.

[50] Ertinya, kegagalan mematuhi panduan *Turnbull* tidak semestinya mengakibatkan sabitan dibatalkan. Ini bergantung kepada keterangan. Jika setelah menimbangkan kesemua keterangan di dalam suatu kes itu, mahkamah rayuan memutuskan bahawa sabitan yang dibuat adalah tidak memuaskan atau tidak selamat, ia akan membatalkan sabitan itu. Dalam kes ini seperti yang akan jelas di akhir penghakiman ini nanti, setelah menimbangkan kesemua keterangan dalam kes ini, kami memutuskan bahawa adalah selamat bagi Mahkamah Tinggi mensabitkan Lim.

[51] Sebelum mengakhiri huraian kami mengenai kes terhadap Lim, ada satu perkara lain yang perlu kami perkatakan. Ini adalah mengenai keterangan pita video CCTV (eks. P8). Dengan merujuk kepada penghakiman YA hakim bicara di ms. 159 - 160 rekod rayuan, peguam berhujah bahawa setelah memutuskan bahawa eks. P8 tidak boleh diterima masuk dalam keterangan, YA hakim bicara tidak sepatutnya memberikan sebarang pertimbangan kepada rakaman pita video tersebut. Tetapi menurut peguam, dalam kes ini YA hakim bicara masih lagi mempertimbangkan keterangan tersebut. Peguam berhujah bahawa ini merupakan satu salah arahan (misdirection) oleh YA hakim bicara. Petikan dalam penghakiman YA hakim bicara yang dipertikaikan oleh peguam adalah seperti berikut:

Mengenai isu P8 ini saya berpuas hati bahawa kehendak-kehendak yang digariskan oleh kes *Mohd Ali bin Jaafar v. PP (supra)* telah gagal dipatuhi. Tetapi memandangkan terdapat rampasan telah dibuat ke atas pita video ini ketika siasatan dibuat, maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak pendakwaan untuk memainkan atau memperkenalkan rakaman itu bagi mengelak suatu 'adverse inference' yang mungkin dihujahkan oleh pihak pembelaan terhadap kes pendakwaan. Maka adalah tugas pendakwaan bagi membentangkan keseluruhan keterangan termasuklah pita rakaman tersebut. Bagaimanapun hasil penelitian saya pergerakan-pergerakan objek dan subjek di dalam pita itu adalah selaras dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan SP5 dan SP6. Maka ia sedikit sebanyak telah dapat membantu kes pendakwaan walaupun **pada hakikatnya pihak pendakwaan mempunyai keterangan-keterangan lain bagi membuktikan penglibatan kedua-dua tertuduh di dalam kes ini**. (Tekanan ditambah)

Itulah sahaja rujukan sekali imbas yang dibuat oleh YA hakim bicara tentang P8 dalam penghakimannya. Rujukan itu pun hanyalah mengenai pengenalan objek dan subjek, bukan tentang soal penting yang menjadi teras kes ini, iaitu, pengecaman. Tetapi bagi kami, apa yang penting ialah YA hakim bicara mendapati bahawa seperti yang dijelaskan beliau dalam petikan tersebut, "pada hakikatnya pihak pendakwaan mempunyai keterangan-keterangan lain bagi membuktikan penglibatan kedua-dua tertuduh di dalam kes ini". Keterangan-keterangan lain itu adalah keterangan saksi-saksi terutama SP5 dan SP6 yang telah memberikan keterangan secara bersumpah tentang pengecaman Lim (dan juga Wang) dan apa yang berlaku di tempat kejadian. Keterangan-keterangan lain itu termasuklah juga keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan yang lain. Dalam pengamatan kami, keterangan-keterangan yang baru kami sebut itulah pada hakikatnya yang telah dipertimbangkan oleh YA hakim bicara, (seperti yang telah dihuraikan dalam penghakiman beliau) dan menjadi asas bagi keputusan beliau bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* masing-masingnya terhadap Lim dan juga Wang. Dalam pandangan kami, keterangan-keterangan lain itu sahaja (tidak termasuk P8 yang kami tidak ambil kira dalam rayuan ini) adalah mencukupi (seperti yang jelas dari huraian yang kami buat dalam penghakiman ini) untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap Lim dan Wang bagi pertuduhan-pertuduhan yang masing-masingnya dihadapi oleh mereka. Oleh itu rujukan YA hakim bicara kepada P8 yang sepatutnya tidak dibuat, tidak menjejaskan keputusan bahawa kes *prima facie* telah terbukti terhadap Lim dan Wang. Kami mendapat sokongan bagi pandangan kami dari peruntukan di bawah s. 167 Akta Keterangan 1950 dan dari *Lee Yew Seng & Ors v. PP* [1967] 1 LNS 82, FC, [penghakiman Ong Hock Thye HMP di ms. 216 - 217], *Khoo Hi Chiang v. PP and Another Case* [1994] 2 CLJ 151, SC (penghakiman Edgar Joseph Jr HMA di ms. 292 - 293) dan *Low Soo Song v. PP* [2008] 1 CLJ 433, CA (penghakiman Gopal Sri Ram HMR di ms. 436).

[52] Kami memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul dalam memutuskan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Lim.

[53] Dalam pembelaannya Lim memilih untuk membuat pernyataan dari kandang orang kena tuduh (making statement from the dock). Pernyataan tersebut telah dikemukakan sebagai

exh. DW1. Di sisi undang-undang Lim memang berhak membuat pilihan untuk membuat pernyataan dari kandang orang kena tuduh, tetapi dalam kes yang semestinya bergantung kepada kebolehpercayaan, Lim perlu menanggung akibat membuat pilihan yang sedemikian itu. Hal ini dijelaskan oleh Thompson HB dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Udayar Alagan & Ors v. PP* [1961] 1 LNS 146:

> There was evidence which made out that charge, if it was believed. There was evidence by the appellants to the contrary, though here it must be observed that two of them took the dangerous course of making a statement from the dock instead of going into the witness-box and giving evidence. An accused person is, of course, entirely within his legal rights when he elects to take course, but in a case which must in the event depend on credibility he takes it at his own peril. The rule was stated in *Shimmin*'s case 15 Cox CC 122, 124 in 1882 by Mr Cave J in a passage which, so far as I am aware (and I am quite prepared to be told I am wrong), has never been criticised:
>
> A prisoner, though defended by Counsel, may, if he chooses, himself make his statement to the jury. He ought to be heard in his defence, and have the opportunity of making his explanation of the circumstances proved against him. *True, his statement was not made on oath, and that he was not liable to be cross-examined by the prosecuting Counsel, and what he said was therefore not entitled to the same weight as sworn testimony*. (Tekanan ditambah)

[54] Pembelaan Lim dalam pernyataannya itu ialah penafian. Dia menafikan pertuduhan terhadapnya. Dia juga menafikan telah masuk ke dalam kedai tersebut bersama-sama Wang pada hari kejadian dan melepaskan tembakan. Lim juga menafikan dia pernah mengenali Wang sebelum ditangkap dan dituduh bersama-sama dengan Wang dalam kes ini. Lim juga menafikan dia mengenali Koo Tui Lai (SD3). Lim mendakwa dia telah ditangkap dan dituduh berdasarkan kepada identiti yang tersilap. Apa yang dinyatakan oleh Lim dalam pernyataannya itu tidak dibuat dengan bersumpah, dan dia tidak boleh disoal balas oleh pihak pendakwa. Seperti yang dijelaskan dalam *Udayar Alagan & Ors v. PP* pernyataan seperti itu tidak boleh diberi berat (weight) yang sama dengan berat yang diberi kepada keterangan yang diberi secara bersumpah. Kami dapati YA hakim bicara telah menilai pernyataan Lim dengan secukup-cukupnya dengan memberikannya nilai yang sepatutnya diberi kepada pernyataan sedemikian itu, dan telah

menimbangkannya dengan keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pihak pendakwa. Setelah berbuat demikian YA hakim bicara memutuskan bahawa Lim gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, dan mendapatinya bersalah dan mensabitkannya bagi kesalahan di bawah s. 3 Akta 37. Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul.

[55] Apa yang dinyatakan oleh Lim dalam pembelaannya itu sebenarnya bercanggah dengan keterangan Wang dan Koo Tui Lai. Dalam keterangannya, Wang mengaku bahawa dia dan Lim berada dalam kedai tersebut pada masa yang material dan Lim telah mengeluarkan sepucuk pistol dan melepaskan tembakan. Koo Tui Lai pula mengesahkan keterangan Wang bahawa dia (Koo Tui Lai) telah menghantar Lim dan Wang ke kedai tersebut dengan kereta yang dipandunya, dan selepas Lim dan Wang turun dari kerusi, dia menunggu dalam kereta tersebut.

[56] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah kami huraikan, kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap Lim adalah selamat.

Mengenai Wang

[57] Wang dituduh melakukan kesalahan di bawah s. 3A Akta 37 yang memperuntukkan:

> 3A. Jika, dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang, seseorang melepaskan tembakan senjata api pada masa melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan berjadual, tiap-tiap seorang daripada rakan-rakan sejenayahnya mengenai kesalahan itu yang berada di tempat kesalahan itu dilakukan atau cuba dilakukan atau disubahati dilakukan, yang mungkin dengan munasabah dianggap telah mengetahui bahawa orang itu telah membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya senjata api itu hendaklah, walaupun tiada apa-apa kecederaan yang disebabkan oleh lepasan tembakan itu, dihukum mati melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan itu.

[58] Dari keterangan SP5 dan SP6 adalah jelas bahawa Wang berada bersama-sama dengan Lim dalam kedai tersebut semasa Lim mengeluarkan pistol dan meminta SP5 mengeluarkan wang, dan kemudiannya melepaskan tembakan. Identiti Wang juga tidak menjadi persoalan kerana dia telah dapat ditangkap oleh SP5 dan SP6 di luar kedai mereka ketika Wang melarikan diri dari kedai tersebut bersama-sama Lim. Yang menjadi persoalan adalah perkara-perkara berikut:

(1) Sama ada Wang ialah rakan sejenayah Lim;

(2) Sama ada Wang mungkin dengan semunasabahnya dianggap telah mengetahui bahawa Lim ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya senjatapi; dan

(3) Sama ada Wang telah mengambil segala tindakan yang munasabah untuk mencegah lepasan tembakan;

[59] Keterangan SP5 menunjukkan bahawa apabila Lim mengeluarkan pistol dan menyuruh SP5 mengeluarkan wang, SP5 menjawab bahawa di kedai itu tidak ada banyak wang. Lim minta RM10,000. SP5 menyatakan, "kalau awak nak saya boleh keluarkan wang perniagaan hari ini dan daripada saudara saya dan adik saya". Lim menjadi marah dan berkata, "kalau tiada RM10,000 saya akan tembak". Kemudian Lim telah menyuruh Wang untuk mengambil wang dari laci kaunter kedai tersebut. Menurut keterangan SP6, Lim menyatakan bahawa jika wang RM10,000 tidak dikeluarkan dia akan tembak. Meneruskan keterangan SP6 menyatakan:

> Pada masa yang sama OKT2 berkata kepada saya, "Awak cakap banyak pada hari ini. Kalau awak bagi duit saya juga mahu kamu mati".
>
> Semasa dia bercakap begini, jauhnya OKT lebih kurang 2 kaki daripada saya. OKT2 masa itu nampak garang. Suara dia juga macam garang. Suara dia adalah berbeza daripada suara dia mula-mula masuk kedai tadi.
>
> Selepas itu saya telahpun bersiap sedia untuk ambil paip besi yang ada di bawah kaki saya. Lepas itu saya nampak OKT2 berjalan menuju ke OKT1 dan semasa mereka bercakap saya telah ambil paip besi dan memukul OKT1. Paip besi ini diambil di atas lantai di dalam kaunter. P10 dirujuk dan dicamkan.

> Pada masa itu kaki saya tak berkasut. Saya gunakan kaki kiri saya angkat paip besi itu hingga ke paras lutut saya. Kemudian tangan kiri saya mengambil paip itu dan pukul OKT1. Saya pukul dan terkena pada tangan kanan dia, pada bahagian lengan dia. Dia elak dengan berundur 2 - 3 langkah ke belakang. Selepas dipukul, kemudian dia (OKT1) ini ke depan dan menuju kepada kami dan melepaskan tembakan.

[60] Dari keterangan SP5 dan SP6 itu adalah jelas bahawa selepas Lim mengeluarkan pistol dan mengugut SP5, tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa Wang terperanjat atau tidak tahu apa yang berlaku atau apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Wang juga tidak melakukan apa-apa untuk cuba memisahkan dirinya dari apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Malahan Wang juga turut mengugut SP6 dengan suara yang garang. Dengan keterangan yang sedemikian itu hanya satu kesimpulan sahaja yang boleh dibuat, iaitu, bahawa Wang adalah rakan sejenayah Lim dan Wang dengan semunasabahnya dianggap telah mengetahui bahawa Lim ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya pistol tersebut. Keterangan juga menunjukkan bahawa tiada sebarang tindakan telah diambil oleh Wang untuk menghalang Lim melepaskan tembakan dari pistolnya.

[61] Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Wang bagi kesalahan di bawah s. 3A Akta 37.

[62] Di hadapan kami hujah peguam mengenai Wang tertumpu kepada pembelaan Wang yang telah dikemukakan melalui keterangan bersumpah oleh Wang dan saksinya Koo Tui Lai. Peguam berhujah bahawa Wang tidak tahu bahawa Lim ada pistol sehinggalah Lim melepaskan tembakan, dan bahawa Wang tidak berada dalam kedudukan yang membolehkannya mengambil sebarang tindakan yang munasabah untuk menghalang Lim melepaskan tembakan. Peguam berhujah bahawa pembelaan Wang adalah munasabah.

[63] Dalam menimbangkan kes *Wang*, YA hakim bicara telah merujuk kepada petikan penting dari penghakiman Sufian KHN dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263 di ms. 284, tentang apa yang mesti dipertimbangkan oleh mahkamah bicara di akhir suatu perbicaraan jenayah. Selepas itu, YA hakim

bicara menyatakan bahawa persoalan di hadapannya adalah sama ada Wang telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah? Oleh itu, kami tidak dapat menerima hujah peguam bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan kerana menggunakan evidential burden yang salah dalam menilai pembelaan Wang.

[64] Kami dapati YA hakim bicara telah mempertimbangkan dengan secukupnya keterangan Wang dan keterangan rakannya, Koo Tui Lai dan menilai keterangan tersebut dengan mengambil kira keterangan saksi pihak pendakwa (SP5 dan SP6). Setelah berbuat demikian beliau memutuskan bahawa Wang gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan mensabitkan Wang atas kesalahan di bawah s. 3A Akta 37. Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara tidak tersilap dalam membuat keputusan tersebut. Keterangan Koo Tui Lai tidak dapat membantu kes *Wang*. Dari keterangannya jelas Koo Tui Lai tidak masuk ke dalam kedai tersebut. Selepas Lim dan Wang turun dari kereta, Koo Tui Lai menunggu dalam kereta. Dalam keterangannya juga Koo Tui Lai mengaku bahawa dia tidak nampak apa yang berlaku dalam kedai tersebut. Jadi, tentang apa yang berlaku di dalam kedai tersebut Wang bergantung semata-mata kepada keterangannya sendiri. Kami telah pun menghuraikan intipati keterangan Wang. Bahagian penting dalam keterangan Wang ialah bahawa dalam kedai dia berdiri depan pintu besar dekat kaunter. Lim berdiri di depan kaunter dan bercakap dengan tuan punya kedai. Wang tidak tahu apa yang dikatakan oleh Lim kepada tuan punya kedai itu. Wang berkata dia sendiri tidak bercakap dengan sesiapa dalam kedai itu. Menurut Wang, selepas itu dia nampak Lim telah mengeluarkan sepucuk pistol. Wang merasa takut dan menjerit "jangan lepaskan tembakan". Kemudian ada seorang lelaki Melayu datang ke kedai itu. Wang telah menolak lelaki itu masuk ke dalam kedai untuk menyelamatkannya. Selepas itu Wang telah keluar dari kedai itu. Dia berasa takut dan ingin lari tetapi terjatuh. Selepas dia jatuh, 2 - 3 orang telah datang memukulnya hingga pengsan. Bila dia sedar dia mendapati dia berada di Hospital Pontian.

[65] Jadi, elemen penting dalam keterangan Wang ialah selepas dia nampak Lim keluarkan pistol dia berasa sangat takut, dan dia menjerit, "Jangan lepaskan tembakan". Elemen penting dalam keterangannya itu tidak pernah diajukan (put) kepada SP5 atau SP6 ketika mereka disoal balas oleh peguam Wang atau pun

peguam Lim di Mahkamah Tinggi. Jika benar dakwaan Wang bahawa apabila Lim mengeluarkan pistol dia telah menjerit, "Jangan lepaskan tembakan", tidak ada sebab kenapa Wang boleh terlepas pandang dan/atau lupa untuk mengajukannya kepada SP5 dan SP6 semasa mereka disoal balas. Bagi kami dakwaan Wang itu amatlah meragukan.

[66] Bertentangan dengan apa yang didakwa oleh Wang, terdapat keterangan SP5 dan SP6 tentang apa yang berlaku dalam kedai tersebut yang telah diterima oleh YA hakim bicara. Keterangan SP5 dan SP6 yang relevan itu telah pun kami rujuk semasa kami menghuraikan kedudukan keterangan terhadap Wang di akhir kes pihak pendakwaan (perenggan 55 hingga perenggan 57 dalam penghakiman ini). Kami telah menyatakan bahawa dari keterangan SP5 dan SP6 itu adalah jelas bahawa selepas Lim mengeluarkan pistol dan mengugut SP5, tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa Wang terperanjat atau tidak tahu apa yang berlaku atau apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Wang juga tidak melakukan apa-apa untuk cuba memisahkan dirinya dari apa yang sedang dilakukan oleh Lim. Malahan Wang juga turut mengugut SP6 dengan suara yang garang. Dengan keterangan yang sedemikian itu hanya satu kesimpulan sahaja yang boleh dibuat, iaitu, bahawa Wang adalah rakan sejenayah Lim dan Wang dengan semunasabahnya dianggap telah mengetahui bahawa Lim ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya pistol tersebut. Keterangan juga menunjukkan bahawa tiada sebarang tindakan telah diambil oleh Wang untuk menghalang Lim melepaskan tembakan dari pistolnya.

[67] Setelah menimbangkan keterangan Wang dan saksinya dan menilainya dengan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, YA hakim bicara memutuskan bahawa Wang gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Lantaran itu beliau telah mendapati Wang bersalah dan mensabitkan dengan kesalahan di bawah s. 3A Akta 37. Pada hakikatnya keputusan tersebut bergantung kepada kesimpulan-kesimpulan fakta yang bergantung kepada kredibiliti saksi-saksi pihak pendakwa terutamanya SP5 dan SP6 di satu pihak, dan kredibiliti Wang dan saksinya di satu pihak yang lain. Dalam keadaan yang sedemikian itu, untuk membatalkan keputusan YA hakim bicara, kami mestilah bukan sekadar meragui keputusan beliau, tetapi mesti yakin bahawa keputusan beliau itu adalah salah (lihat *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232 di ms. p. 275.

[68] Setelah menimbangkan dengan teliti keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan dan penghakiman YA hakim bicara, serta berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah kami huraikan, kami memutuskan bahawa keputusan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara mensabitkan Wang adalah betul. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap Wang adalah selamat.

Penutup

[69] Rayuan Lim dan rayuan Wang ditolak. Sabitan dan hukuman terhadap mereka dikekalkan.